



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

NOTIS SEBUT HARGA

SEBUT HARGA JPV.NS.S. 21/2021

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN, PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN
PENYELENGGARAAN BANGUNAN/KAWASAN IBU PEJABAT TERMASUK KUARTERS
KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN DAN TIGA (3)
PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR DAERAH UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN**

Syarikat tempatan (keutamaan diberikan kepada syarikat beralamat di Negeri Sembilan) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221002 iaitu Membersih Kawasan adalah dipelawa menyertai sebut harga ini. Terbuka kepada syarikat bertaraf bumiputera dan bukan bumiputera.

Kod Bidang:

BIDANG		SUB BIDANG		PECAHAN SUB BIDANG	
22	PERKHIDMATAN	10	KHIDMAT KEBERSIHAN DAN RAWATAN	02	MEMBERSIH KAWASAN

Lokasi Perkhidmatan:

1. Ibu Pejabat dan Kwarters Kakitangan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu
71770 Seremban, Negeri Sembilan
2. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Rembau
Jalan Tambang Kuda
71300 Rembau
Negeri Sembilan

3. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Tampin
2013, Jalan Seremban-Tampin
73000 Tampin
Negeri Sembilan

4. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jempol
Bandar Baru Serting
72120 Bandar Seri Jempol
Negeri Sembilan

2. Syarikat yang berminat menyertai sebut harga ini boleh melawat sendiri lokasi yang dinyatakan dari jam 9.00 pagi sehingga 1.00 petang sepanjang notis ini diiklankan hingga tarikh tutup sebut harga bagi membantu syarikat mengetahui keadaan sebenar kawasan supaya tawaran sebut harga dapat disediakan sebaik mungkin. Sekiranya mahu melawat sendiri kawasan berkenaan, amalan penjarakan fizikal, penggunaan cecair pembasmi kuman dan pemakaian pelitup muka adalah **DIWAJIBKAN**.

3. Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi/ brif perkhidmatan sila hubungi Puan Sunarti Kamaruddin/ Puan Siti Sahara A. Rashid di talian 06 – 762 8857/ 019 – 697 1439 samb: 109/ 110.

4. Borang sebut harga boleh diperolehi di Kaunter Khidmat Pelanggan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Lot 1504 Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban dengan harga RM 50.00 senaskhah mulai 1 SEPTEMBER 2021 dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

5. Permohonan hendaklah dimasukkan terus ke dalam peti tawaran di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban di dalam sampul surat berlakri bertanda **SEBUT HARGA JPV.NS.S. 21/2021**.

6. Tarikh tutup sebut harga adalah pada 10 SEPTEMBER 2021 jam 12.00 tengah hari.

Jika tawaran sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga bertanggungjawab memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.



Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan Darul Khusus

23 Ogos 2021